

FALSAFAH KERANA ALLAH

(III)

AJARAN ISLAM BAGI SEMUA PERINGKAT

Manusia di dalam dunia ini tidaklah sama peringkat kemajuannya dan tingkat-tingkat fikirannya dan pengetahuannya. Ada orang hutan dan orang dusun yang tiada berpelajaran; dan orang awam yang tiada biasa berfikir tinggi; dan orang khawas dan filsuf yang biasa tinggi fikirannya dan siasatannya. Ada yang masih seperti kanak-kanak tiada tahu berfikir sendiri, atau seperti budak-budak jahat yang cenderung kepada berbuat jahat sahaja: Maka berkehendaklah dipuji dan diumpam dengan hadiah-hadiah coklat dan sebagainya supaya menggalakkan dia berbuat baik, dan berkehendak pula ditakuti dengan bermacam-macam jalan supaya ia jangan jahat, dan didenda atau dihukum akan dia ringan atau berat apabila ia berbuat jahat itu. Lain daripada itu ada pula yang seperti budak-budak cerdik dan baharu mulai tahu berfikir; dan yang seperti orang-orang muda yang sudah dapat sebanyak sedikit pelajaran tetapi kurang pengalaman; ada yang seperti orang tua-tua yang luas pengalaman tetapi kurang pelajaran; dan ada yang seperti orang tua-tua yang luas pelajaran dan luas pengalaman; dan berbagai-bagai lagi keadaannya.

OLEH Z'ABA

Maka agama Islam mestilah ada mengandungi ajaran-ajaran yang padan dan munasabah bagi semua mereka ini masing-masingnya mengikut masing-masing peringkatnya dan tingkat kemajuannya itu; kalau tidak demikian tidaklah boleh dikata agama Islam ini telah cukup lengkap dan layak bagi semua masa dan semua bangsa di mana-mana jua pun- layak bagi orang liar dan orang hutan, dan layak bagi pendeta, ulama, hukama dan filsuf juga. Ajaran-ajaran yang jadi tapak dan umbi dalam agama ini tetap satu dan sama walau bagi siapa pun, tiada berganjak dan tiada boleh berubah selama-lamanya, seperti ajaran-ajaran rukun iman dan rukun Islam dan cawangan besar-besar daripada sekalian itu. Tetapi segala cawangan-cawangan halusnyanya yang boleh tumbuh atau boleh ditumbuhkan daripada asas dan umbi itu boleh bermacam-macam dipadankan, mengikut kehendak

masa dan zaman dan mengikut tingkat-tingkat kecergasan akal manusia pada berbagai-bagai peringkat kemajuannya dan kemajuan ilmu pengetahuannya.

Pendeknya di dalam agama Islam boleh didapati ajaran-ajaran yang berpadan dan munasabah bagi segala tingkat kemajuan budi manusia untuk memberi latihan setapak demi setapak dari yang serendah-rendahnya sampai kepada yang setinggi-tingginya; dan yang demikian itu sama ada pada tentang perintah suruh berbuat baik dan pada larangan jangan berbuat jahat. Ada ajaran untuk orang yang taat kerana tamakkan faedah diri; ada ajaran untuk orang yang taat kerana taat semata-mata, sama ada dengan dorongan perasaan takut atau beserta perasaan kasih atau kedua-duanya; dan ada ajaran untuk orang yang taat berbuat kebajikan kerana kebajikannya semata-mata, atau tidak berbuat jahat kerana jahatnya semata-mata.

Akan tetapi oleh sebab bahagian yang terlebih ramainya daripada

manusia dalam dunia ini ialah jenis yang masih kasar budi dan tiada tahun berfikir atau tiada mahu berfikir akan hal-hal kebenaran baik jahat dan keperluan rohani, maka kita dapati dalam agama Islam terlebih banyak ajaran yang berpadan dengan mereka itu, iaitu mereka yang berbuat baik kerana balas dan menjauhi jahat kerana takut kena hukum. Ajaran agama dan akhlak bagi mereka itu diasaskan di atas seruan “Kalau berbuat jahat dibalas dengan azab dan neraka, dan kalau berbuat baik dibalas dengan thawab dan syurga”.

Umpamanya perhatikanlah ayat-ayat ini: *(Inna al-ladhīna kafaru min ahl al-kitābi wa al-mushrikīna fī nāri jahannama khālidīna fihā ulā'ika hum sharru al-bariyyah. inna al-ladhīna āmanū wa 'amilū ṣāliḥāti 'ūla'ika hum khairu al-bariyyat jazā 'ūhum 'inda rabbihim jannātu 'adnin tajrī min taḥtihā al-'anhāru khālidīna fihā abadan raḍiya Allāhu 'anhum wa raḍū 'anhu dhalika liman khashiyā rabbah: Surah al-Bayyināt 6-8)*

Ertinya, “Bahawasanya orang yang menolak kebenaran di antara puak-puak ahli al-kitab dan orang-orang yang menyekutukan Tuhan adalah (akan) bertempat di dalam neraka jahanam dengan keadaan kekal mereka itu di dalamnya; mereka itulah yang sehabis-habis tiada baik di antara makhluk Tuhan, bahawasanya orang yang beriman (menerima kebenaran dan berbuat amal yang baik mereka itulah yang sebaik-baik makhluk Tuhan, balasan baik bagi mereka di sisi Tuhan mereka ialah syurga-syurga tempat diam yang kekal, yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; mereka itu duduk kekal selama-lamanya di situ; Allah suka dan gemar kepada mereka itu dan mereka pun suka dan gemar pula kepada Allah; itulah habuan bagi barang siapa yang takut akan Tuhan yang memelihara mereka.” Ajaran demikian ini biasanya ialah dihadapkan kepada orang yang belum beriman dan masih degil menolak kebenaran, sebagaimana orang-orang Quraisy dan kaum-kaum Musyrikin yang memusuhi Nabi kita pada permulaan Islam dahulu; dan juga biasa dihadapkan ajaran-ajaran seperti itu kepada orang-orang yang masih liar daripada pengertian agama yang sebenar.

Adapun ajaran suruh taat sahaja pula kerap kali dihadapkan kepada orang yang sudah sedia membawa iman tetapi tiada tahu apa yang betulnya hendak dibuat jika tidak diberi perintah kepadanya daripada suruh atau larangan- disuruh itu disuruh ini, dilarang itu dilarang ini. Maka kita dapati ajaran demikian pada ayat-ayat seumpama (*Yā ayyuha al-ladhīna 'amanū aṭī'ū Allāh wa aṭī'ū al-Rasūl wa uli al-amri minkum; fain tanāza'tum fī shai'in faruddūhu ila Allāhi wa al-rasūli in kuntum tu'minūna billāhi wa al-yawmi al-'ākhirī; dhālika khayr wa aḥsanu ta'wīlan: (Surah al-Nisā' 59)* Ertinya, “Ayuhai segala orang yang beriman!

Taati olehmu akan Allah dan taati akan pesuruh Allah itu dan akan orang-orang yang memegang perintah di antara kamu; maka jika kamu berbalah pada suatu perkara berhakimlah kembali kepada Allah dan Rasul jikalau kamu beriman akan Allah dan hari kemudian; itulah yang baik dan yang seelok-elok bicara.” Maka orang yang disuruh taat demikian itu dikehendaki taat sahaja mengikut bagaimana yang diperintahkan itu dan mengikut apa-apa yang disuruh dan dilarang oleh Allah, oleh Rasul dan oleh pemerintah, walau dengan mengerti tujuannya suruh larangan itu atau tidak; hanya kiyadkan kepada satu syarat iaitu seperti yang disebutkan dalam hadis (*lā tā'ata li makhluqi fī ma'ṣiyati al-khāliq*) Ertinya, “Tidak boleh taat kepada sesiapa makhluk pun jika pada perkara yang melanggar perintah Tuhan yang menjadikan.” Selain daripada yang disyaratkan itu hendaklah taat apa-apa jua yang disuruh dan dilarang, dan taatnya itu dengan tidak berapa sangat mengira balas, hanya taat sahaja kerana diperintahkan begitu serta kerana yakin sepenuh-penuhnya bahawa perintah itu tentu baik dan bagi kebajikan sahaja.

Adapun ajaran menggalakkan perasaan “takut” kepada Allah pula biasanya dihadapkan kepada orang yang telah sedia beriman juga tetapi selalu melanggar perintah Allah pada suruhannya atau larangannya. Maka ajaran demikian amat banyak didapati di dalam al-Quran dan sangat biasa terdengar kepada kita sekalian diserukan dalam khutbah Jumaat dan lainnya; sebab itu tak payahlah diri

misalnya di sini, perkataan yang dipakai bagi makna “takut” itu ialah “Ittaqa” (*ittaqā*) dan pecahan-pecahannya, dan terkadang ada juga dipakai perkataan “Khashiya” (*Khashiya*) atau pecahan-pecahannya pula iaitu maknanya takut berserta hormat. “Ittaqa” (*ittaqā*) dan pecahan-pecahannya seperti “Yattaqun” (*yattaqūn*), “Muttaqin” (*Muttaqīn*), “Taqwa” (*taqwā*), “Atqa” (*Atqā*), “Ittaqu” (*ittaqū*) dan lainnya itu bukanlah sebarang-sebarang ertinya seperti “takut” yang difahamkan dalam bahasa Melayu, melainkan maksudnya ialah takut secara berjaga dengan cermat dan curiga pada menyempurnakan perintah Tuhan, iaitu memperbuat suruhannya dan menjauhi (jangan melanggar) larangannya; kerana perkataan “Ittaqa” (*ittaqā*) itu ialah berasal daripada “Waqa-Yaqi” (*Waqā yaqī*) ertinya jaga dan pelihara.

Maka ajaran suruh kuat “bertaqwa” yakni menjaga suruh larangan dengan cermat ini termasuk kepada tingkat orang yang taat kerana taat semata-mata sebagaimana ajaran kasih kepada Allah kadang-kadang termasuk pada tingkat itu dan juga pada tingkat yang tertinggi sekali bagi apa-apa amal berbuat kebajikan.

Adapun ajaran kasih akan Allah itu pula didapati sebutannya di dalam Quran pada ayat-ayat seperti (*wa al-ladhīna amanū ashaddu hubā Allāh*: al-Baqarah 165) Ertinya, “Dan orang-orang yang beriman (yang menerima kebenaran) adalah terlebih kuat sekali kasihnya akan Allah;” dan pada ayat (*qul in kuntum tuḥibbūna Allāha fāttabi ‘ūnī yuḥbibkumu wa Allāhu*: Surah Ali-Imrān ayat 31) Ertinya “Katalah kepada orang-orang itu hai Muhammad: Jikalau kamu kasih akan Allah maka ikutlah aku, nescaya Allah pun kelak kasih akan kamu!”.....Maka ajaran kasih akan Allah ini boleh termasuk pada tingkat yang kedua daripada amal kebajikan, tetapi terutama sekali ialah termasuk

pada tingkat yang ketiga dan tertinggi sekali.

Maka tujuannya yang terpenting sekali daripada ajaran menyuruh “taat” dan “takut” dan “kasih” ini ialah supaya orang yang disuruh itu mendapat keredhaan Allah semata-mata, iaitulah mata sasaran yang sebenar dimaksudkan dalam apa-apa ibadat dan apa-apa kerja kebajikan pun. Apabila sudah diperoleh keredhaan Allah itu maka perolehan yang lain-lain akan berturut sendiri. Tetapi bukanlah perolehan lain-lain itu yang diutamakan atau dikira dahulu, melainkan keredhaan Allah itulah yang mesti diutamakan dan dipentingkan; kalau sudah ada itu, yang lain-lain itu tak dapat pun tak mengapalah. Maka sebab itulah tujuan berkehendakkan keredhaan Allah dalam segala amal ibadat dan sebarang amal kebajikan itu jika dituju tepat akan dia dengan tiada bercabang-cabang hati kepada yang lain, nescaya ia menempatkan apa-apa amal kebajikan yang dikerjakan itu di dalam tingkat darjat yang tertinggi sekali bagi amal kebajikan.

Ajaran suruh menjadikan keredhaan Allah ini tujuan segala kerja kebajikan adalah disebut di dalam ayat-ayat seperti (*lā khayra fī kathīrin min najwā hum ‘illa man amri bisadaqatin aw ma ‘rūfin aw islāh bayna al-nās wa man yaf al dhulika ibtighā’ marḍāti Allāhi fasawfa nu ‘īthi ajran azīma*: Surah al-Nisā’ 114) Ertinya, “Tidak ada baiknya pada kebanyakan daripada pakatan sulit mereka itu, melainkan yang ada baiknya jika orang menyuruh bersedekah atau berbuat kebajikan atau memperbaiki hal ehwal di antara orang banyak dan barang siapa berbuat demikian itu kerana berkehendakkan kerana keredhaan Allah, nescaya kami beri akan dia kelak suatu balasan baik yang amat besar.” Maka daripada perkenaan ini nyatalah bahawa kerana “menuntut keredhaan Allah” itu suatu syarat yang tak boleh tidak dan jika berbuat apa-apa kebajikan yang tersebut itu atau lain-lain seumpamanya tidak dengan kerana menuntut keredhaan Allah. Maka tidaklah ada janji akan diberi balasan apa-apa kerananya dan tak usahlah diharap balasan itu!

Demikian lagi disebut fasal keredhaan Allah mesti dijadikan tujuan besar itu tersebut dalam ayat (*wamathalu al-ladhīna yunfiqūna amwālahum ubtighā ‘a marḍāti Allāhi wa tathbūtan min anfusihim ka mathali jannatin bi rabwatin asābahā wā bilun fa ‘ātat akulahā di fayni; fain lam yuṣibhā wā bilun faṭallu wa Allāhu bi mā ta ‘malūna baṣīr*: Surah al-Baqarah 265) Ertinya, “ dan adalah bandingan mereka yang membelanjakan hartanya kerana hendak mendapat keredhaan Allah dan kerana hendak menetapkan kedudukan diri mereka ialah seperti sebuah taman di atas suatu bukit yang tinggi; ditimpa akan dia oleh hujan yang lebat. Maka yang demikian menjadikan tumbuhan-tumbuhannya: berdabil banyaknya; dan jika tidak ada hujan lebat menyimpannya sekalipun, sekurang-kurangnya ia selalu mendapat hujan halus atau embun yang sejuk dingin: dan Allah Ta‘ālā amat melihat akan apa-apa yang kamu kerjakan.”.....Di sini sekali lagi ternyata bahawa tujuan berkehendakkan keredhaan Allah itu suatu syarat yang tak dapat tidak bagi kesempurnaan apa-apa amal kebajikan.

Bagaimanapun nyatalah kepada timbangan akal bahawa pekerjaan berbuat baik dan menjauhi berbuat jahat yang tertinggi sekali darjatnya ialah yang dikerjakan bukan kerana balasan yang lain melainkan hanya kerana Allah sendiri, bukan kerana manusia atau kerana takutkan manusia, denda dan seksa hanya kerana Allah- kerana takutkan Allah kerana kasihkan Allah, kerana hendak mendapat keredhaan, kerana wajahnya yang Maha Tinggi jua. Maka sifat berbuat baik bukan kerana balas itu disebut oleh Tuhan di dalam Quran dalam ayat-ayat seumpama (*wa sayujannabuhā al-atqā al-ladhī yu ‘ī mālāhū yatazakkā, wa mā li ‘aḥādin ‘indahū min ni ‘matin tujzā, illabtiḡhā ‘awajhi rabbihi al-a ‘lā, walasawfa yardā* : Surah al-Layl 17-21) Ertinya, orang yang terlebih menjaga surah larangan Allah akan disingkirkan jauh daripada seksaan neraka, iaitu (umpamanya) orang yang bersedekah, akan hartanya kerana hendak memperdapat kebersihan rohaninya, dan bukan kerana ada budi sesiapa kepadanya hendak dibalas (atau bukan supaya sesiapa beroleh nikmat padanya untuk dibalas),

hanya (ia berbuat kebajikan itu) kerana berkehendakkan wajah Tuhannya yang Maha Tinggi jua, dan tak berapa lama nanti tentu ia akan merasa puas hati kerana mendapat kehendaknya itu.”.....Demikianlah tujuan yang tertinggi daripada berbuat kebajikan yang didapati ajarannya di dalam Quran. (Bahas-bahas seakan-akan ini yang boleh didapati dalam kitab-kitab tasawuf yang sedia dalam bahasa Melayu pun seperti kitab Sharih Hukum karangan Ibnu ‘Aṭā’ allāh al-Sukandarī dan lain-lain seumpamanya).

Sementara itu perhatilah pula dalam ayat-ayat di akhir surah al-Bayyinah yang diberi di atas tadi, iaitu setelah dibutirkan rupa-rupa balasan baik bagi mereka yang beriman serta berbuat amal kebajikan, maka ditutup ayat itu dengan perkataan (*dhalika liman khashiya rabbah*: Surah al-Bayyinah ayat 8): Ertinya, “Segala-gala balasan yang demikian itu ialah bagi barang siapa yang takut dengan tawaduk kepada Tuhannya;” Maksudnya menguatkan bahawa segala balasan yang disebutkan itu dikurniakan dengan penuh hanya kepada orang yang menyertakan dalam amal kebajikannya itu satu syarat, iaitu perasaan ia takut dengan penuh khusyuk dan tawaduk kepada Tuhannya: Yakni segala iman dan amal baginya itu hendaklah beserta dengan perasaan “kerana Allah”kemudian pada suatu tempat yang lain pula firman-Nya (*...innamā ‘ilāhukum ‘ilāhun wā ḥidun; faman kāna yarjū liqā ‘a ‘rabbihi falya ‘mal ‘amalan ṣalīhān walā yushrik bi ‘ibādati rabbihi aḥadā*: Surah al-Kahfi 110) Ertinya “Bahawa Tuhan kamu ialah Tuhan yang Esa, oleh itu barangsiapa ada berharap hendak menjumpai Tuhannya maka hendaklah ia mengerjakan amal yang baik dan serta itu jangan ia sekutukan pada beribadat akan Tuhannya itu seseorang jua pun. Maksudnya hendaklah ia berbuat ibadat dan sebarang amal kebajikan dengan membetulkan segala tujuan ibadatnya itu kepada Allah, yakni kerana Allah semata-mata, tiada lainnya; jika demikian baharulah cukup syarat akan dapat sempurna harapannya “hendak menjumpai Tuhannya” itu

Kesimpulannya sekalian yang telah dikatakan ini adalah demikian:

fasal balasan kerana berbuat apa-apa amal kebajikan, maka yang sebaik-baiknya janganlah dikira, kerana iaitu di dalam maklum Tuhan dan dengan Tuhan tidaklah layak dibawa semangat berniaga atau semangat bekerja kerana upah. Bagaimanapun janganlah soal “akan dapat balasan” itu dijadikan pendorong atau tujuan bagi berbuat kebajikan. Balasan baik itu akan mendatang sendiri jika amal kebajikan yang dikerjakan itu sebenar-benarnya ikhlas kerana Allah. Allah Ta‘ālā tidak sekali-kali mensia-siakan atau menghilangkan balasan amal baik bagi orang yang berbuat kebajikan tetapi jika ditamak-tamakkan balasan itu dan dijadikan dia sebab dan tujuan yang utama pada mengerjakan kebajikan itu- bukan dikira tujuannya hendak membaiki kekurangan sendiri atau membaiki kekurangan orang lain- maka kerap kalilah balasan itu tiada diperolehi atau pun ia hilang percuma sendiri, jadi kosong dan melepas sahaja hasilnya. Yang demikian bersamaan baik pun pada amal kebajikan untuk dunia atau untuk akhirat. Kata bidalan Melayu “Orang yang tamak kerap kali melepas dan beroleh rugi jua, tiada mendapat barang yang ditamakkannya itu”.

Demikian pula balasan kecewa, rugi, seksa dan sebagainya kerana mengerjakan perbuatan jahat, sayugianya janganlah itu dijadikan sebab dan panahan maka tidak berbuat jahat itu. Bahawa bagi peringkat budi yang halus dan latihan akhlak yang tinggi tidaklah dihitung mulia jika memakai perasaan demikian itu. Balasan jahat itu diaturkan Tuhan tetap akan mendatang sendirinya dalam dunia atau dalam akhirat jika dikerjakan sesuatu yang jahat, dosa dan maksiat kecuali pada orang yang telah mendapat ampunan dan tetap pula tiada ia akan terjadi jika tiada berbuat jahat dan kesalahan itu. Tetapi jika ditamak-tamakkan tidak hendak akan balasan jahat, dan dengan sebab takut akan balasan itulah maka tidak diperbuat jahat- bukan sebab jahatnya, bukan sebab dilarang Allah, bukan sebab takutkan Allah, bukan sebab tidak hendak melanggar larangannya- maka haruslah

balasan itu akan menimpa juga walaupun tidak dikerjakan perbuatan jahat itu dengan sebenarnya. Kerana sesungguhnya apa-apa yang ditamakkan itu pada adatnya selalulah terlepas tangan atau tiada diperolehi, sama ada yang ditamakkan itu balasan baik atau tiada hendak akan balasan jahat. Sebaliknya, perkara yang tiada ditamakkan itu selalu didapati mendatang sendiri jika seseorang itu sebenar layak mendapatnya. Maka yang demikian itu bersamaan pula baik pun perbuatan jahat itu bersangkutan dengan hal-hal dunia sahaja atau bersangkutan dengan larangan-larangan agama dan hal-hal akhirat.

Pendeknya jika seseorang berbuat kebajikan kerana berkehendakkan balas atau mengharapkan balas, dan tiada berbuat jahat pula kerana takut kena hukum, maka tetaplah yang demikian itu bukan khalas kerana Allah, bukan kerana baiknya atau kerana jahatnya perbuatan itu. Oleh itu sangatlah rendah darjatnya kebajikan yang dilakukannya itu pada nilai hukum akhlak yang tinggi. Bagi orang yang masih rendah perasaan akhlaknya atau masih kasar pengenalan budi pekertinya sebagaimana kanak-kanak yang belum tahu berfikir sendiri akan nilai baik dan jahat, maka sebenarnya layaklah yang demikian itu; tetapi bagi mereka yang lebih tinggi dan halus pengenalannya tidaklah munasabah lagi. Mereka berbuat baik ialah kerana baiknya dan tidak berbuat jahat ialah kerana jahatnya- yakni kerana Allah semata-mata, kerana disuruh atau dilarang Allah, kerana baik itu digemari Allah dan jahat itu dimurkai Allah, pendeknya kerana memelihara perintah Allah atau suruh larangannya, kerana ingin mendapat keredhaan Allah.

Tentang balasan nikmat dan sebagainya, ia akan mendatang sendiri apabila sudah ada keredhaan Allah itu; dan jika sekira tidak ada sekali pun didapati balasan-balasan itu maka keredhaan Allah dan kepuasan hati kerana telah mendapat keredhaan itu sahaja pun padalah, bahkan lebih baik daripada segala nikmat lain-lain yang dijanjikan sebagai balasan itu. Demikianlah pula balasan perbuatan jahat, tetap akan mendatang sendirinya apabila sudah dilakukan sesuatu. Sesuatu kejahatan yang

tiada dibaiki dengan taubat: Dan jika sekiranya tiada ia
mendatang sekalipun, sekurang-kurangnya perasaan “kesal” yang kita
telah melakukan salah dan kejahatan- telah menyimpang dari
jalan kebetulan, telah menderhaka kepada Allah dengan melanggar
larangannya dan memperbuat perkara yang tiada diredhai-Nya-
itu sahaja pun cukuplah jadi sepahit-pahit balasan kepada
perasaan jiwa tiap-tiap orang yang berbuat jahat dan maksiat.
Kerana sesungguhnya sahlah dengan tiada syak sekali-kali akan
hilang percuma; macam mana pun tetaplah akan dilihat bekasnya,
hasilnya, dan kejadian-kejadian baik atau buruk yang akan
berturut sebagai buah daripadanya. Firman Tuhan (*faman ya ‘mal*
mithqāla dharratin khairan yarah, waman ya ‘mal mithqāla zarratin sharran yarah:
Surah al-Zalzalah ayat 7-8) Ertinya. “Maka barang siapa
berbuat kebajikan kadar sebesar habuk terbang pun bahawa
tiap-tiap amal baik dan amal jahat tidak sekali-kali akan
dilihatnya hasil perbuatannya itu, dan barang siapa berbuat
kejahatan kadar sebesar habuk terbang pun, akan dilihatnya
pula buah perbuatannya itu.” Maka jika berbuat kebajikan
itu dengan “kerana Allah”, sudah tentulah akan tertuntut
daripadanya balasan yang baik sebanyak “kerana Allah”nya itu:
tetapi jika berbuatya itu tidak dengan kerana Allah maka
belum tentu lagi balasan baiknya, bahkan boleh jadi amal
yang baik pun bertukar membuahakan buah yang jahat.

Demikianlah fahaman “kerana Allah” di dalam ajaran Islam
sepanjang yang ternampak kepada pandangan penulis ini. Maka
dengan ini tamatlah bahasan kita berkenaan dengan erti dan
maksud “kerana Allah” dalam segala amalan kita yang baik.

Sebagai penutup. disertakan di sini sedikit runkapan
syair cara tua yang mengandungi lebih kurang pati-pati fikiran
dalam bahasan “kerana Allah” ini:

Berbuat Kebajikan

Buatlah baik, wahai teruna,
Hidupmu biar memberi guna;
Kamu yang mati, jasa tak pena,
Lamun buahnya elok sempurna.

Hidup manusia jangan percuma,
Buatlah bakti budi utama,
Selagi baiknya kekal menjelma.
Si Mati hidup selama-lama.

Banyaknya khidmat besar dan seni,
Serahkan kepada Tuhan Rabbani;
Jasa yang kekal berfaedah murni,
Umur yang kedua bagi insani.

Buatlah baik sedaya upaya-
Hidup berbakti memberi cahaya:
Sumbu pelita tidak sia-sia
Membakar dirinya menerangi raya.

Jangan menilik balas dan puji,
Atau “pahalanya” dikaji-kaji.
Rasa demikian tamak dan keji:
Padalah baiknya tentang dan uji.

Pahala dan balas jangan dihitung,
Jangan diingat rugi dan untung,
Asalkan jasmu padat berdentung,
Di situ mulia tetap tergantung.

Buatlah baik, ayuhai rakan,
Ke dalam laut kamu campakkan:
Jikalau tidak dikenal ikan,
Tuhanmu tahu iakah bukan.